

BAB 6

PERUBAHAN STRUKTUR EKONOMI DAN AGIHAN

*Muszafarshah Mohd Mustafa
Asan Ali Golam Hassan*

Pendahuluan

Dari segi sejarah, pembangunan ekonomi Malaysia banyak bergantung kepada tanah dan bahan galian. Pertanian amat penting kepada ekonomi Malaysia pada tahun 60-an dan awal 70-an. Malaysia merupakan pengeksport terbesar getah asli, timah dan minyak kelapa sawit sehingga pertengahan 70-an. Langkah pertama telah diambil pada tahun 50-an bagi menggalakkan aktiviti pembuatan demi mempelbagaikan ekonomi pada masa tersebut untuk membantu eksport dalam menghadapi ketidakstabilan harga barangan komoditi. Mulai pertengahan 80-an, sumbangan tanah dan bahan galian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah merosot, dan peluang pekerjaan telah berubah kepada sektor pembuatan l.


Pertumbuhan Ekonomi dan Perubahan Struktur

Pertumbuhan pesat sekitar 10 peratus sejak akhir 80-an telah menjanjikan perubahan struktur, pembentukan ekonomi moden, dan penambahan peluang pekerjaan di sektor yang produktif. Perlaksanaan objektif berkembar DEB, di samping meluaskan aktiviti sektor moden terutamanya sektor pembuatan merupakan faktor utama yang mencepatkan proses perubahan struktur.

Struktur ekonomi telah menjadi semakin seimbang dari segi komposisi output dan pengagihan antara sektor, termasuk pengagihan pembangunan wilayah yang lebih setara. Pertumbuhan pesat ini, di samping perubahan dalam struktur output, juga telah merubah struktur pekerjaan dan kepakaran, serta kadar urbanisasi. Pada masa yang sama, jenis aktiviti dan produk, juga sumber pertumbuhan telah menjadi semakin pelbagai. Akibatnya, komposisi pekerjaan mengikut sektor juga berubah dengan ketara.

Sejak tahun 1970, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK dan pekerjaan telah berkurangan, manakala sumbangan sektor moden seperti pembuatan dan pembinaan, serta perkhidmatan telah meningkat dengan ketara. Akibatnya, pengangguran menurun, dan pada masa yang sama, peluang pekerjaan di sektor moden turut bertambah. Rajah 6.1 menunjukkan trend peratusan sumbangan pertanian kepada KDNK dan pekerjaan. Peratusan sumbangan sektor pertanian kepada pekerjaan berkurang daripada 52.2 peratus pada tahun 1970 kepada hanya 15.2 peratus pada tahun 1997. Pada masa yang sama, sumbangan kepada KDNK berkurang daripada 23.3 peratus kepada 6.3 peratus dalam tempoh yang sama.

Rajah 6.1
Trend Sumbangan Sektor Pertanian kepada KDNK dan Pekerjaan,
1970-1997




Sumber: Laporan Ekonomi (pelbagai keluaran)

Dianggarkan sumbangan pertanian kepada pekerjaan berkurang sebanyak 1.4 peratus setiap tahun, manakala sumbangan pertanian kepada KDNK berkurangan sebanyak 0.63 peratus setiap tahun. Trend di atas juga menunjukkan sumbangan pertanian kepada pekerjaan berkurang lebih cepat daripada KDNK. Senario ini menggambarkan pengurangan kepentingan sektor pertanian dalam ekonomi Malaysia. Sejak tahun 1987 sektor penyumbang terpenting kepada KDNK telah berubah daripada sektor pertanian (sektor pertama) kepada sektor industri (sektor kedua) (lihat Rajah 6.2). Walaupun sektor perkhidmatan (sektor ketiga) merupakan penyumbang utama kepada KDNK sejak tahun 1981, pertumbuhannya (peningkatan peratusan setiap tahun) kurang berbanding pertumbuhan sektor kedua. Dianggarkan sumbangan sektor kedua kepada KDNK meningkat sebanyak 74 peratus setahun, manakala sumbangan sektor ketiga pula meningkat sebanyak 30 peratus setahun.

Peningkatan Sumbangan Sektor Perindustrian

Kepentingan pembangunan wilayah telah diberi tumpuan oleh kerajaan bagi memastikan aktiviti ekonomi diagihkan dengan saksama, dan pada masa yang sama mengeratkan hubungan antara negeri di Malaysia. Desentralisasi industri dilihat sebagai pemangkin pembangunan di negeri kurang maju melalui penggunaan sumber tempatan, penekanan kepada pembangunan infrastruktur dan komunikasi (terutama di Pantai Timur Semenanjung Malaysia), meningkatkan hubungan fizikal antara kawasan, dan mengurangkan pengangguran, terutama di kalangan orang Melayu. Peningkatan dalam hubungan fizikal bukan sahaja dapat mengeratkan integrasi antara kawasan, tetapi juga memudahkan mobiliti faktor pengeluaran seperti alat jentera dan mesin, serta buruh mahir, yang amat diperlukan bagi mempercepatkan pembangunan industri di kawasan ini.

Rajah 6.2
Peratus Sumbangan kepada KDNK mengikut Sektor,
1970, 1980, 1990 dan 2000



Sumber: Laporan Ekonomi (pelbagai keluaran)

Kerajaan telah mendapat respons yang baik terhadap dasar-dasarnya bagi meningkatkan aktiviti pembuatan di negeri kurang maju. Sejak tahun 1970, peratusan sumbangan industri pertanian kepada KDNK telah berkurang di semua negeri (dan wilayah), dan telah diambil alih oleh industri pembuatan. Kepentingan pertanian sebagai penyumbang utama kepada KDNK di negeri kurang maju telah menurun sebanyak 63.8 peratus (daripada 48.6 peratus pada tahun 1970 kepada 17.6 peratus pada tahun 2000) (*Jadual 6.1*). Juga, peratusan sumbangan industri pembuatan meningkat sebanyak 308 peratus (daripada hanya 6.3 peratus pada tahun 1970 kepada 25.7 peratus pada tahun 2000). Dari segi kawasan geografi pula, peratusan KDNK bagi industri pertanian telah menurun dengan banyak di Wilayah Utara dan Timur.

Pada masa yang sama, struktur ekonomi di negeri maju tidaklah statik, malah telah berubah ke arah industrialisasi. Walaupun peratusan sumbangan industri pembuatan meningkat kurang daripada negeri kurang maju (sekitar 172 peratus) dalam tempoh yang sama, tetapi penurunan peratusan sumbangan industri pertanian kepada KDNK sekitar (67%) berbanding negeri kurang maju. Sebagai contoh, peratusan sumbangan industri pertanian kepada KDNK bagi Wilayah Tengah (meliputi Selangor, Kuala Lumpur, Melaka, dan Negeri Sembilan) telah menurun sebanyak 79 peratus, dan yang tertinggi berbanding wilayah lain.

Walaupun peratusan sumbangan pertanian kepada KDNK di semua negeri telah menurun manakala sumbangan industri pembuatan meningkat, tetapi jurang antara negeri dari segi sumbangan industri pembuatan kepada KDNK tetap wujud. Walau bagaimanapun, jurang ini telah berkurang sejak pelaksanaan DEB. Contohnya, nisbah sumbangan industri

Jadual 6.1
Peratus KDNK mengikut Industri dan Wilayah,
1970, 1980, 1990 dan 2000

Tahun	Utara	Timur	Tengah	Selatan	Negeri kurang maju	Negeri maju	Semenanjung Malaysia	
Pertanian,	1970	34.0	42.6	19.3	41.0	48.6	25.4	30.2
Perhutanan,	1980	18.4	35.6	11.5	32.8	28.9	16.3	19.3
Perikanan, dll.	1990	21.7	20.7	6.9	29.4	25.1	13.2	16.0
	2000	15.0	15.2	4.0	17.2	17.6	8.3	10.4
<i>Peratus penurunan</i>		-55.9	-64.3	-79.3	-58.0	-63.8	-67.3	-65.6
Pembuatan	1970	9.3	6.3	19.1	14.0	6.3	15.3	13.4
	1980	18.0	10.5	28.5	23.8	7.0	27.1	22.2
	1990	28.7	10.9	37.9	28.0	13.4	34.6	29.6
	2000	36.5	21.2	44.0	40.8	25.7	41.6	38.0
<i>Peratus peningkatan</i>		292.5	236.5	130.4	191.4	307.9	171.9	183.6

Sumber: Dikira daripada Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

pembuatan kepada KDNK bagi negeri tertinggi (Selangor) telah berkurang daripada julat 13.7 (Kelantan) hingga 2.3 (N. Sembilan) pada tahun 1970, kepada 8.7 (Kelantan) hingga 1.2 (P. Pinang) pada tahun 2000. Jika sekiranya Kelantan tidak dikira, maka julat pada tahun 2000 hanyalah antara 3.1 (Pahang) dan 1.2 (P. Pinang) (Jadual 6.2).

Perubahan dalam Pengkhususan Industri Wilayah

Salah satu matlamat rasmi dalam menghadapi ketaksamaan wilayah di Malaysia ialah mempelbagaikan asas ekonomi bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat terutama di negeri kurang maju (Wilayah Utara dan Timur). Dengan perkataan lain, merubah penekanan daripada industri pertanian kepada industri pembuatan dan perkhidmatan. Sektor pembuatan dilihat sebagai enjin pertumbuhan ekonomi. Justeru, Kerajaan Malaysia cuba mengalakkan aktiviti ekonomi dengan mengembangkan aktiviti di sektor moden, terutama dalam industri pembuatan, di negeri kurang maju.

Bahagian ini akan cuba melihat perubahan dalam struktur pekerjaan di wilayah terbabit sejak tahun 1980. Perubahan ini akan diukur menggunakan petunjuk koefisien penempatan (*location quotient* atau LQ). Konsep koefisien penempatan (*location quotient*) digunakan untuk melihat pengkhususan relatif wilayah dalam sesuatu industri tertentu. Secara amnya, koefisien penempatan merupakan nisbah tenaga buruh wilayah dengan nisbah tenaga buruh negeri dalam industri tertentu atau wilayah tertentu². Jenis pekerjaan disenaraikan mengikut *Dictionary of Occupational Classification*, 1980, terbitan Kementerian Sumber Manusia dan jenis industri pula mengikut "Buku Penjenisan

Jadual 6.2
Nisbah Agihan KDNK Sektor Pembuatan Mengikut Negeri

		Johor	Kedah	Perlis	Kelantan	Melaka	N.Sembilan	Pahang	P.Pinang	Perak	K. Lumpur	Selangor	Terengganu
KDNK	1970	2.8			13.7	7.3	2.3	4.7	2.8	4.0		1.0	11.7
Pembuatan	1980	4.0	19.3	15.1	35.4	8.4	4.7	6.8	1.9	5.7		1.0	17.6
	1990	2.9	6.3	4.6	17.2	2.7	2.8	6.4	1.4	4.6	2.2	1.0	5.8
	2000	1.6	2.7	2.6	8.7	1.8	1.9	3.1	1.2	2.6	2.2	1.0	2.4

a Nisbah kepada negeri Selangor

Sumber: Dikira daripada Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Perusahaan Malaysia, 1972”, terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia yang berasaskan kepada *International Standard of Industrial Classification (ISIC) of All Economic Activities* terbitan United Nations.

LQ_{ij} bagi industri i di kawasan j dibandingkan dengan industri i dalam negara pada masa t dapat ditunjukkan menggunakan persamaan di bawah:

$$LQ_{ij} = (r'_{ij}/r'_j) / (M'_i/M^t)$$

di mana

LQ_{ij} ialah koefisien penempatan bagi industri i di kawasan j pada tahun t

r'_{ij} ialah jumlah pekerja bagi industri i di kawasan j pada tahun t

r'_j ialah jumlah pekerja bagi semua industri di kawasan j pada tahun t

M'_i ialah jumlah pekerja bagi industri i dalam negara pada tahun t

M^t ialah jumlah pekerja dalam negara bagi semua industri pada tahun t

t merujuk kepada tahun, $i = 1, 2, \dots, m$ ialah jenis industri, $j = 1, 2, \dots, n$ merujuk kepada kawasan, a'_{ij} ialah pekerjaan pada tahun t bagi industri i di kawasan j ,

$a'_i = \sum a'_{ij}$ bermaksud jumlah pekerja dalam negara bagi industri i pada tahun t , dan

$a^t = \sum \sum a'_{ij}$ bermaksud jumlah pekerja dalam negara pada tahun t .

Jika $LQ_{ij} > 1$: Nisbah pekerja pada peringkat negeri ialah lebih besar daripada nisbah pekerja pada peringkat negara, dalam industri terbabit pada tahun t . Pengambilan pekerja pada peringkat negeri ialah lebih berbanding pada peringkat negara. Kawasan terlibat mengkhusus dalam industri terbabit berbanding pada peringkat negara.

Jika $LQ_{ij} < 1$: Nisbah pekerja pada peringkat negeri ialah lebih kecil daripada nisbah pekerja pada peringkat negara, dalam industri terbabit pada tahun t . Pengambilan pekerja pada peringkat negeri ialah kurang berbanding pada peringkat negara. Kawasan terlibat tidak mengkhusus dalam industri terbabit berbanding pada peringkat negara.

Jadual 6.3 menunjukkan ringkasan pengkhususan wilayah mengikut industri dan Jadual 6.4 menunjukkan ringkasan pengkhususan industri mengikut wilayah di Semenanjung Malaysia pada tahun 1980, 1990 dan 2000. Rajah 6.3 menunjukkan tumpuan industri (dalam bentuk nisbah pekerjaan atau LQ) mengikut kawasan sejak tahun 1980. Terdapat banyak perubahan yang dicatatkan kecuali industri perlombongan dan kuari, serta elektrik, minyak dan air. Tumpuan industri ini telah berubah dari Wilayah Utara ke Wilayah Tengah, dan akhirnya ke Wilayah Timur. Ini kerana lokasi industri petroleum dan gas lebih tertumpu di Wilayah Timur ($LQ=1.9$), manakala di wilayah lain, industri perlombongan telah menjadi kurang penting ($LQ<0.8$).

Jadual 6.3
Pengkhususan Wilayah mengikut Industri

	1980	1990	2000
Wilayah Utara	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perlombongan dan kuari (1.88) 2. Elektrik, gas dan air (1.22) 3. Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (1.13) 4. Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel (1.06) 5. Pembuatan (1.00) 6. Pembinaan (0.94) 7. Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (0.91) 8. Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (0.72) 9. Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (0.70) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perlombongan dan kuari (1.19) 2. Pembuatan (1.07) 3. Elektrik, gas dan air (1.09) 4. Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (1.05) 5. Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel (1.02) 6. Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (0.97) 7. Pembinaan (0.94) 8. Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (0.85) 9. Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (0.64) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (1.19) 2. Pembuatan (1.15) 3. Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel (0.96) 4. Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (0.95) 5. Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (0.87) 6. Pembinaan (0.81) 7. Elektrik, gas dan air (0.80) 8. Perlombongan dan kuari (0.78) 9. Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (0.65)
Wilayah Tengah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (1.83) 2. Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (1.29) 3. Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (1.27) 4. Pembuatan (1.27) 5. Pembinaan (1.23) 6. Elektrik, gas dan air (1.16) 7. Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel (1.14) 8. Perlombongan dan kuari (0.78) 9. Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (0.61) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (1.85) 2. Perlombongan dan kuari (1.44) 3. Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (1.41) 4. Pembinaan (1.16) 5. Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel (1.14) 6. Elektrik, gas dan air (1.14) 7. Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (1.13) 8. Pembuatan (1.00) 9. Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (0.46) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (1.75) 2. Elektrik, gas dan air (1.22) 3. Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (1.20) 4. Pembinaan (1.14) 5. Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (1.10) 6. Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel (1.04) 7. Pembuatan (1.00) 8. Perlombongan dan kuari (0.85) 9. Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (0.35)

Jadual 6.3 (Sambungan)
Pengkhususan Wilayah mengikut Industri

	1980	1990	2000
Wilayah Timur	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (1.32) 2. Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (1.08) 3. Pembinaan (0.82) 4. Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel (0.81) 5. Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (0.72) 6. Pembuatan (0.57) 7. Perlombongan dan kuari (0.40) 8. Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (0.38) 9. Elektrik, gas dan air (0.25) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (1.75) 2. Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (1.02) 3. Elektrik, gas dan air (0.91) 4. Pembinaan (0.83) 5. Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel (0.81) 6. Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (0.68) 7. Pembuatan (0.63) 8. Perlombongan dan kuari (0.57) 9. Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (0.33) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (2.14) 2. Perlombongan dan kuari (1.90) 3. Pembinaan (1.07) 4. Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel (0.99) 5. Elektrik, gas dan air (0.97) 6. Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (0.95) 7. Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (0.74) 8. Pembuatan (0.51) 9. Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (0.31)
Wilayah Selatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (1.17) 2. Elektrik, gas dan air (1.01) 3. Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (0.99) 4. Pembuatan (0.96) 5. Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (0.90) 6. Pembinaan (0.86) 7. Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel (0.80) 8. Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (0.55) 9. Perlombongan dan kuari (0.21) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembuatan (1.29) 2. Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (1.16) 3. Pembinaan (0.97) 4. Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel (0.90) 5. Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (0.80) 6. Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (0.77) 7. Elektrik, gas dan air (0.64) 8. Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (0.67) 9. Perlombongan dan kuari (0.24) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembuatan (1.31) 2. Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (1.05) 3. Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (1.05) 4. Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel (0.97) 5. Pembinaan (0.95) 6. Elektrik, gas dan air (0.87) 7. Perlombongan dan kuari (0.84) 8. Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (0.78) 9. Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (0.78)

Nota () = LQ

Sumber: Dikira daripada Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Dasar Kerajaan bagi mengurangkan nisbah pekerjaan dalam industri pertanian, perhutanan, pemburuan, dan perikanan serta pada masa yang sama meningkatkan nisbah pekerjaan dalam sektor lain, terutama sektor pembuatan, telah gagal di Wilayah Timur. Di wilayah ini, nisbah pekerjaan (LQ) bagi industri pertanian, perhutanan, pemburuan, dan perikanan telah meningkat dengan cepat daripada 1.3 pada tahun 1980 kepada 2.1 pada tahun 2000, sedangkan LQ bagi industri yang sama di wilayah lain telah berkurang. Walau bagaimanapun, dasar kerajaan bagi mempelbagaikan industri pembuatan telah menampakkan kejayaan di Wilayah Utara dan Selatan. LQ bagi industri pembuatan di Wilayah Tengah telah berkurang ($LQ_{1980}=1.3$; $LQ_{2000}=1.0$), dan diambil alih oleh Wilayah Utara ($LQ_{1980}=1.0$; $LQ_{2000}=1.2$) dan Selatan ($LQ_{1980}=1.0$; $LQ_{2000}=1.3$). Di Wilayah Timur, LQ bagi industri pembuatan telah berkurang dalam tempoh yang sama ($LQ_{1980}=0.6$; $LQ_{2000}=0.5$).

Berbeza dengan industri pertanian, perhutanan, pemburuan, dan perikanan, LQ bagi industri kewangan, insuran, hartanah, dan perkhidmatan perniagaan di Wilayah Tengah sentiasa tinggi ($LQ_{1980}=1.8$; $LQ_{2000}=1.8$) berbanding dengan Wilayah Utara ($LQ_{1980}=0.7$; $LQ_{2000}=0.7$), Selatan ($LQ_{1980}=0.5$; $LQ_{2000}=0.6$), dan Timur ($LQ_{1980}=0.4$; $LQ_{2000}=0.3$). Walaupun projek pembuatan tidak hanya tertumpu di Wilayah Tengah, tetapi industri perkhidmatan lain, seperti pembinaan, masih tertumpu di Wilayah Tengah (kecuali industri minyak dan air).

Jadual 6.5 menunjukkan bilangan projek pembuatan yang diluluskan di Semenanjung Malaysia sejak tahun 1980. Bagi tempoh 1980-1989, daripada 5,099 projek pembuatan, kira-kira 46 peratus terletak di Wilayah Tengah, 26 peratus di Wilayah Utara, 21 peratus di Wilayah Selatan, dan hanya 7 peratus di Wilayah Timur. Walau bagaimanapun, bagi tempoh 1990-1999, peratusan bilangan projek di Wilayah Tengah telah berkurang kepada 41 peratus. Ini menunjukkan kejayaan dasar kerajaan bagi mengagihkan semula projek pembuatan ke kawasan lain di Semenanjung Malaysia. Di Wilayah Utara, peratusan ini telah berkurang kepada 29 peratus, manakala di Wilayah Selatan, ia berkurang kepada 25 peratus. Namun, di Wilayah Timur, walaupun bilangan projek yang diluluskan telah meningkat sebanyak 1.4 peratus, tetapi dari segi peratusan, ia telah berkurang kepada 5 peratus. Dari segi pengagihan projek pembuatan antara wilayah maju dan wilayah kurang maju, tidak banyak perubahan yang dicatatkan. Kira-kira 87 peratus daripada projek yang diluluskan terletak di wilayah maju, dan baki 13 peratus terletak di wilayah kurang maju. Di wilayah maju, bilangan projek yang diluluskan telah meningkat sebanyak 87 peratus, dan cuma 12 peratus sahaja bagi wilayah kurang maju.

Jadual 6.5 menunjukkan bilangan projek pembuatan yang diluluskan di Semenanjung Malaysia sejak tahun 1980. Bagi tempoh 1980-1989, daripada 5,099 projek pembuatan, kira-kira 46 peratus terletak di Wilayah Tengah, 26 peratus di Wilayah Utara, 21 peratus di Wilayah Selatan, dan hanya 7 peratus di Wilayah Timur. Walau bagaimanapun, bagi tempoh 1990-1999, peratusan bilangan projek di Wilayah Tengah telah berkurang kepada 41 peratus. Ini menunjukkan kejayaan dasar kerajaan bagi mengagihkan semula projek pembuatan ke kawasan lain di Semenanjung Malaysia. Di Wilayah Utara, peratusan ini telah berkurang kepada 29 peratus, manakala di Wilayah Selatan, ia berkurang kepada 25

Jadual 6.4
Pengkhususan Industri mengikut Wilayah

Industri	Wilayah		
	1980	1990	2000
Pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan	Timur (1.32)	Timur (1.75)	Timur (2.14)
	Selatan (1.17)	Selatan (1.64)	Utara (1.19)
	Utara (1.13)	Utara (1.05)	Selatan (1.05)
	Tengah (0.61)	Tengah (0.46)	Tengah (0.35)
Perlombongan dan kuari	Utara (1.88)	Tengah (1.44)	Timur (1.99)
	Tengah (0.78)	Utara (1.12)	Tengah (0.85)
	Timur (0.40)	Timur (0.57)	Selatan (0.84)
	Selatan (0.21)	Selatan (0.24)	Utara (0.78)
Pembuatan	Tengah (1.25)	Selatan (1.29)	Selatan (1.31)
	Utara (1.00)	Utara (1.07)	Utara (1.15)
	Selatan (0.96)	Tengah (1.00)	Tengah (0.98)
	Timur (0.57)	Timur (0.63)	Timur (0.51)
Elektrik, gas dan air	Utara (1.22)	Tengah (1.14)	Tengah (1.22)
	Tengah (1.18)	Utara (1.09)	Timur (0.97)
	Selatan (1.01)	Timur (0.91)	Selatan (0.88)
	Timur (1.25)	Selatan (0.64)	Utara (0.80)
Pembinaan	Tengah (1.23)	Tengah (1.16)	Tengah (1.14)
	Utara (0.94)	Selatan (0.97)	Timur (1.07)
	Selatan (0.89)	Utara (0.94)	Selatan (0.95)
	Timur (0.82)	Timur (0.83)	Utara (0.81)
Perdagangan borong & runcit dan restoran dan hotel	Tengah (1.14)	Tengah (1.14)	Tengah (1.04)
	Utara (1.05)	Utara (1.02)	Timur (1.00)
	Timur (0.81)	Selatan (0.90)	Selatan (0.97)
	Selatan (0.80)	Timur (0.81)	Utara (0.96)
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	Tengah (1.30)	Tengah (1.41)	Tengah (1.20)
	Utara (0.91)	Utara (0.85)	Selatan (1.05)
	Selatan (0.90)	Selatan (0.79)	Utara (0.87)
	Timur (0.72)	Timur (0.68)	Timur (0.74)
Perkhidmatan kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan	Tengah (1.83)	Tengah (1.85)	Tengah (1.75)
	Utara (0.72)	Selatan (0.66)	Utara (0.65)
	Selatan (0.55)	Utara (0.64)	Selatan (0.54)
	Timur (0.38)	Timur (0.33)	Timur (0.32)
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	Tengah (1.27)	Tengah (1.13)	Tengah (1.10)
	Timur (1.08)	Timur (1.02)	Timur (1.05)
	Selatan (0.99)	Utara (0.97)	Utara (0.95)
	Utara (0.70)	Selatan (0.77)	Selatan (0.78)

Nota () = LQ

Sumber: Dikira daripada Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

peratus. Namun, di Wilayah Timur, walaupun bilangan projek yang diluluskan telah meningkat sebanyak 1.4 peratus, tetapi dari segi peratusan, ia telah berkurang kepada 5 peratus. Dari segi pengagihan projek pembuatan antara wilayah maju dan wilayah kurang maju, tidak banyak perubahan yang dicatatkan. Kira-kira 87 peratus daripada projek yang diluluskan terletak di wilayah maju, dan baki 13 peratus terletak di wilayah kurang maju. Di wilayah maju, bilangan projek yang diluluskan telah meningkat sebanyak 87 peratus, dan cuma 12 peratus sahaja bagi wilayah kurang maju.

Jadual 6.5
Bilangan Projek yang Diluluskan 1980-1990

	1980-1989	Peratus	1990-1999	Peratus	Perubahan 80-89=90-99	Peratus perubahan
Wilayah Utara	1,310	25.69	2,176	28.69	866	34.8
Wilayah Timur	379	7.43	413	5.44	34	1.4
Wilayah Tengah	2,329	45.68	3,129	41.25	800	32.2
Wilayah Selatan	1,081	21.20	1,867	24.61	786	31.6
Negeri maju	4,417	86.62	6,587	86.84	2,170	87.3
Negeri kurang maju	682	13.38	998	13.16	316	12.7

Sumber: Malaysian Industrial Development Authority


Penyataan yang ditunjukkan oleh nilai LQ , iaitu industri pembuatan kini lebih bertaburan antara negeri di Semenanjung Malaysia, nampaknya disokong oleh Koefisien Gini. Koefisien Gini digunakan bagi mengukur ketaksamaan dalam agihan pengkhususan industri (LQ_{ij}) untuk setiap wilayah pada tahun tertentu. Untuk memperoleh Koefisien Gini bagi wilayah ke- j , koefisien penempatan perlu dikira dan disusun secara meningkat bagi mendapatkan susunan koefisien penempatan (LQ). Keluk Lorenz kemudiannya digunakan bagi mendapatkan bahagian pekerjaan dalam industri ke- i (a'_{ij}/a'_j); dan kemudiannya dibandingkan dengan bahagian pekerjaan dalam industri ke- i pada peringkat negara (a'_i/a). Koefisien Gini bagi negeri ke- j dikira menggunakan formula: $G_j = 1/2 - 1/aa \sum ai(A_{ij} - a_{ij}/2)$. A_{ij} menunjukkan susunan pekerjaan di kawasan ke- j bermula daripada sektor ke- i . Koefisien Gini akan menunjukkan hubungan kuantitatif antara pengkhususan industri pada peringkat wilayah dan negara. Nilai Koefisien Gini antara kosong (keseimbangan mutlak) dan satu (tak keseimbangan mutlak). Semakin kecil nilai Koefisien Gini, semakin sama agihan pengkhususan industri di wilayah/negeri (pada masa t), dan sebaliknya³.

Nilai Gini bagi pekerja di industri pembuatan telah berkurang daripada 0.231 pada tahun 1980 kepada 0.181 pada tahun 1999 (*Rajah 6.3*). Walau bagaimanapun, keadaan sebaliknya terjadi kepada industri pertanian, perhutanan, pemburuan, dan perikanan. Koefisien Gini telah meningkat daripada 0.263 pada tahun 1980 kepada 0.436 pada tahun 1999. Ini berlaku kerana bilangan pekerja dalam industri pertanian, perhutanan, pemburuan, dan perikanan masih banyak, terutama di negeri kurang maju berbanding dengan negeri maju. Walaupun peratusan pekerjaan di industri pertanian, perhutanan, pemburuan, dan perikanan berkurangan di semua negeri dan wilayah di Semenanjung Malaysia, marginnya kecil di negeri dan wilayah kurang maju.

Kesimpulan

Dengan pertumbuhan pesat sebanyak 10 peratus sejak akhir 1980-an, Malaysia telah mengalami proses perubahan struktur, pembentukan ekonomi yang moden, dan penjanaaan peluang pekerjaan di sektor produktif. Perlaksanaan objektif berkembar menerusi DEB, serta usaha yang bersungguh bagi mengembangkan aktiviti sektor moden terutama

Rajah 6.3
Agihan Pekerja dalam Industri Pembuatan dan Pertanian, Perhutanan, Pemburuan dan Perikanan



Sumber: Dikira daripada Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

pembuatan, ialah penyumbang utama kepada berlakunya perubahan struktur yang pesat. Dasar kerajaan berhubung dengan perubahan struktur ekonomi adalah untuk meningkatkan aktiviti pembuatan di negeri kurang maju, bertujuan untuk mempelbagaikan asas ekonomi bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat. Di semua negeri, sumbangan pertanian kepada KDNK telah menurun, manakala sumbangan industri pembuatan pula meningkat. Walau bagaimanapun, jurang sumbangan industri pembuatan kepada KDNK mengikut negeri masih wujud. Justeru, tidak hairanlah perubahan struktur terhadap sektor pembuatan pesat di negeri maju berbanding negeri kurang maju. Jurang ini, walau bagaimanapun, telah berkurang sejak pelaksanaan DEB. Industri pembuatan kini lebih bertaburan (ditunjukkan oleh penurunan dalam Koefisien Gini).

Dasar kerajaan dalam mengurangkan nisbah pekerjaan di sektor pertanian, perhutanan, pemburuan, dan perikanan, dan pada masa yang sama meningkatkan nisbah pekerjaan di sektor-sektor lain, terutama sektor pembuatan, tidaklah begitu menggalakkan di wilayah Timur, terutama di negeri Kelantan dan Terengganu, serta di Perlis (yang terletak di wilayah Utara). Salah satu faktor yang melembabkan aktiviti pembuatan di negeri ini adalah kerana kewujudan sektor perkhidmatan (kewangan, insuran, hartanah, dan perkhidmatan perniagaan) yang terhad.

Sektor perkhidmatan lebih tertumpu di negeri maju terutama di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, dan Johor. Keadaan ini telah membolehkan wujudnya pertumbuhan industri pembuatan di negeri yang berjiran dengan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, dan

Johor, Kelantan dan Terengganu. Walau bagaimanapun, tidak dapat menikmati limpahan faedah daripada rantaian ini kerana jarak negeri ini yang jauh dari lokasi yang memusatkan sektor perkhidmatan ini. Justeru, aktiviti pembuatan di Kelantan dan Terengganu kurang kompetitif.

Nota Akhir

¹ Chenery (1960) menegaskan bahawa perubahan struktur ekonomi (dalam proses pembangunan ekonomi) akan meningkatkan kepentingan pengeluaran industri dan pendapatan per kapita, serta pada masa yang sama pengeluaran sektor utama (*primary sector*) berkurangan dari segi peratusan sumbangan kepada jumlah output dan pekerjaan. Strategi pembangunan yang mempercepatkan anjakan jenis pengeluaran daripada pertanian kepada aktiviti sekunder seringkali disebut sebagai dasar yang konsisten dengan “pergerakan semula jadi” trend penggunaan dan pembangunan ekonomi (Kelley, 1969:110).

² Lihat juga North 1955. *Location Theory and Regional Economic Growth*, ms.249; Bendavid 1974. *Regional Economic Analysis for Practitioners. An Introduction to Common Descriptive Methods*. ms.94; Armstrong and Taylor 1993. *Regional Economic and Policy*. ms.11.; Shaw and Wheeler 1994, *Statistical Techniques in Geographical Analysis*. ms.314; Isard et.al., 1998. *Methods of Interregional and Regional Analysis*. ms.24.

³ Lihat juga Loehr, W. & Powelson, J.P. 1981. *The Economics of Development and Distribution*, ms.98; Milanovic, B. 1997. *A Simple Way to Calculate the Gini Coefficient and Some Implication*, ms.45; Yao, S. 1997. *Decomposition of Gini Coefficients by Income Factors: A New Approach and Application*, ms.27.

Rujukan

- Armstrong, H., & Taylor, J. (1993). *Regional economic and policy*. (2rd. ed.). New York: Harvester Wheatsheaf.
- Bendavid, A. (1974). *Regional economic analysis for practitioners. An introduction to common descriptive methods*. New York: Praeger Publisher.
- Isard, W., Azis, I.J., Drennan, M.P., Miller, R.E., Saltzman, S., & Thorbecke, E. (1998). *Methods of interregional and regional analysis*. Aldershot: Ashgate.
- Kelley, A.C. (1969). Demand patterns, demographic change and economic growth. *The Quarterly Journal of Economic*, 83 (1), 110-126.
- Loehr, W., & Powelson, J.P. (1981). *The economics of development and distribution*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.

- Malaysia (1971). *Second Malaysia Plan 1971-1975*. Kuala Lumpur: Government (1995). P
- Malaysia (1975). Population Census of Malaysia 1970, General Report, Volume 1. Department of Statistics. (1995). P
- Malaysia (1976). *Third Malaysia Plan 1976-1980*. Kuala Lumpur: Government Housing (1995). P
- Malaysia (1977). Population Census of Malaysia 1970. General Report, Volume 2. Department of Statistics. (1995). P
f Administr
- Malaysia (1981). *Fourth Malaysia Plan 1980-1985*. Kuala Lumpur: Government (1995).
or Admini
- Malaysia (1983). Population and Housing Census of Malaysia 1980. General Report on the Housing Census, Volume 1. Department of Statistics. (1996).
- Malaysia (1983). Population and Housing Census of Malaysia 1980. General Report on the Population Census, Volume 1. Department of Statistics. (1999)
- Malaysia (1984). *Mid-Term Review Fourth Malaysia Plan*. Kuala Lumpur: Government Report. (2001)
- Malaysia (1984). Population and Housing Census of Malaysia 1980. Population Report of Administrative Districts, Age: Ethnicity, Sex and Households. Department of Statistics. (2001)
- Malaysia (1984). Population and Housing Census of Malaysia 1980. Population Report of Administrative Districts: Occupation and Industry. Department of Statistics. (2001)
- Malaysia (1986). *Fifth Malaysia Plan 1986-1990*. Kuala Lumpur: Government Press. (2001)
- Malaysia (1989). *Mid-Term Review Fifth Malaysia Plan*. Kuala Lumpur: Government Press. (2001)
- Malaysia (1991a). *Second Outline Perspective Plan 1991-2000*. Kuala Lumpur: National Press. (2001)
- Malaysia (1991b). *Sixth Malaysia Plan 1991-1995*. Kuala Lumpur: Government Press. (2001)
- Malaysia (1994). *Mid-Term Review Sixth Malaysia Plan*. Kuala Lumpur: Government Press. (2001)
- Malaysia (1995). Population and Housing Census of Malaysia 1991. General Report on the Population Censuses. State Population Report, Kedah. Department of Statistics. (2001)
- Malaysia (1995). Population and Housing Census of Malaysia 1991. General Report on the Population Censuses. Volume 2. Department of Statistics. (2001)

- Malaysia (1995). Population and Housing Census of Malaysia 1991. General Report of the Population Censuses. Volume 1. Department of Statistics.
- Malaysia (1995). Population and Housing Census of Malaysia 1991. General Report of the Housing Censuses. Department of Statistics.
- Malaysia (1995). Population and Housing Census of Malaysia 1991. Population Report of Administrative Districts: Occupation and Industry. Department of Statistics.
- Malaysia (1995). Population and Housing Census of Malaysia 1991. Population Report for Administrative Districts. Department of Statistics.
- Malaysia (1996). *Seventh Malaysia Plan 1996-2000*. Kuala Lumpur: National Press.
- Malaysia (1999). *Mid-Term Review Seventh Malaysia Plan*. Kuala Lumpur: National Press.
- Malaysia (2001). Population and Housing Census of Malaysia 2000. Preliminary Count Report. Department of Statistics.
- Malaysia (2001b). *Third Outline Perspective Plan 2001-2010*. Kuala Lumpur: National Press.
- Malaysia (2001c). *Eighth Malaysia Plan 2001-2005*. Kuala Lumpur: National Press.
- Milanovic, B. (1997). A simple way to calculate the Gini Coefficient and some implication. *Economic Letters*, 36, 45-49.
- North, D.C. (1955). Location theory and regional economic growth. *The Journal of Political Economy*, 63 (3), 243-258.
- Shaw, G. & Wheeler (1994). *Statistical techniques in geographical analysis*. (2nd ed.) London: David Fulton Publishers.
- Yao, S. (1997). Decomposition of Gini Coefficients by income factors: A new approach and application. *Applied Economic Letters*, 4, 27-31.